

# Jual topeng muka RM1

Klinik swasta di Jerantut dikesan jual topeng muka melebihi harga dikawal

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

## JERANTUT

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Jerantut mengesan kes pertama penjualan topeng muka melebihi harga kawalan di Pahang selepas sebuah klinik swasta di Kuala Lipis dikesan melakukan kesalahan tersebut.

Kes itu dikesan Sabtu lalu apabila mendapati topeng muka tiga lapis dijual pada harga RM1 seunit melebihi harga yang dikawal iaitu 80 sen.

Ketua cawangannya, Abdul Mubin Ahmad berkata, pihaknya melakukan pemeriksaan di klinik itu selepas menerima aduan daripada orang awam.

"Sebanyak 300 keping topeng muka



Abdul Mubin (kanan) pada sidang akhbar di Pejabat KPDNHEP Cawangan Jerantut semalam.

terbabit disita dalam operasi tersebut. Pemilik premis yang berusia 56 tahun didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya pada sidang akhbar di pejabat cawangan itu di sini semalam.

Abdul Mubin berkata, kompaun sebanyak RM10,000 dikenakan kepada pemilik premis terbabit dan dijelaskan

oleh pemiliknya.

"Sekiranya gagal dijelaskan dalam tempoh 14 hari, tindakan mahkamah akan diambil dan sekiranya bersalah penalti sebanyak RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"Sehingga hari ini (semalam), KPDNHEP Jerantut telah memeriksa 64 premis berkaitan penjualan topeng muka," katanya.